



**Anda di benarkan mencetak manual ini untuk kegunaan anda sendiri dan memudahkan proses pembelajaran dan pembuatan projek anda.**

**Anda juga di benarkan mengeluarkan ulang atau menggunakan mana-mana bahagian manual ini dalam apa jua cara sama ada elektronik, mekanik, fotokopi, rakam atau pengstoran maklumat termasuk system dapat kembali dengan syarat tidak meninggalkan sebarang link yang di sediakan di dalam ebook ini dan tidak mengubah mana-mana bahagian di dalam ebook ini.**

**Hakcipta Terpelihara 2007 ©.  
<http://www.ibumithali.com> & ILHAM NISHA.**

**CARA MENJAHIT DAN MENGGUNAKAN TUDUNG  
ILHAM NISHA**

**PENYEDIAAN MANUSKRIP  
Sanishah Mohd Alwi**

**PENYUSUN  
Sanishah Mohd Alwi**

**PEMASUKAN DATA  
Sanishah Mohd Alwi**

**CETAKAN KOMPUTER  
Sanishah bt Mohd Alwi**

**REKEBENTUK EBOOK  
Sanishah Mohd Alwi**

**REKA BENTUK KULIT EBOOK  
Siti Rohana bt Manan**

# CARA MENJAHIT DAN MENGGUNAKAN TUDUNG

## Isi Kandungan

### 1. PENGENALAN

### 2. **ILHAM 1** : TUDUNG/SKAFT BIASA NISHA

A. **NISHA 1** : Cara Menjahit Tudung Biasa **Nisha**

B. **NISHA 2**: CARA MENGGUNAKAN TUDUNG BIASA **NISHA**.

### 3. **ILHAM 2**: TUDUNG PANJANG NISHA

A. **NISHA 3** : CARA MENJAHIT TUDUNG PANJANG **NISHA**

B. **NISHA 4** : CARA MENGGUNAKAN TUDUNG PANJANG **NISHA**.

**NISHA 4a** : HIJAB PURDAH.

C. **NISHA 5** : CARA MENJAHIT TUDUNG KELAWAR **NISHA**.

D. **NISHA 6** : CARA MENGGUNAKAN TUDUNG KELAWAR **NISHA**.

### 4. **ILHAM 3** : TUDUNG BULAT

A. **NISHA 7** : CARA MENJAHIT TUDUNG **NISHA**.

B. **NISHA 8** : CARA MENGGUNAKAN TUDUNG BULAT **NISHA**.

### 5. CARA MENJAHIT DAN MENGGUNAKAN TUDUNG.



## PENGENALAN.

Tudung antara pangil yang digunakan untuk menutup bahagian kepala para wanita kini. Berbagai-bagai nama yang digunakan selain daripada tudung untuk menutup kepala antaranya ialah hijab, skaft dan lain-lain lagi. Tudung mengikut kamus Dewan bahasa ialah sesuatu yang digunakan untuk menutup bahagian sebelah atas. Manakala dari segi Islam pula ia merupakan sebahagian aurat wanita muslimah yang wajib di tutup sehingga ke bahagian dada. Bagi wanita Islam sebagai cara digunakan dalam pemakaian tudung. Ia tidak menjadi satu kesalahan asalkan ia mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Islam.

Di bawah ini adalah antara dalil-dalil yang boleh di jadikan panduan untuk kita terutama sekali bagi mereka yang beragama Islam.

Allahberfirman yang bermaksud:

“Hai anak adam! Sesungguhnya Kami telah turunkan untuk kamu pakaian yang boleh menutup aurat-aurat kamu dan untuk perhiasan.”

Surah Al-A'raf: 26)

Untuk keterangan lebih lanjut sila baca buku **HALAL DAN HARAM DALAM ISLAM** (m/s 127) Soal Pakaiandan Perhiasan. Diterbitkan oleh, Pustaka Islamiyah Pte. Ltd. Singapura.

Rasullah s.a.w bersabda,

“Usaha yang paling baik sekali, ialah usaha seseorang dengan tanganya dan semua jual beli yang di redhai Allah.”

Sesuai dengan Sabda baginda Rasullah s.a.w itu olehlah kita jadikan amalan terutamanya para suri rumah. Di samping anda menjahit untuk keluarga dan kediaman anda mungkin anda boleh jadikan ia sebagai pendapatan sampingan. Sesungguhnya menjahit sendiri itu lebih mendatangkan kepuasan dan boleh berjimat(tidak membazir) terutama sekali pada perkara-perkara yang bukan keperluan asas dalam kehidupan kita.

*Sabda Nabi s.a.w. lagi*

“Tiada salahlah buat seseorang kamu, bila mempunyai kelebihan rezeki, menyediakan dua pakaian khusus untuk hari jumaat, selain dari dua pakaian biasa untuk bekerja.”

(Riwayat Abu Daud)

Di antara Dalil-Dalil yang membolehkan umat Islam terutamanya wanita muslimah dalam soal berpakaian dan perhiasan. Untuk keterangan yang lebih lanjut sila rujuk Buku Halal dan Haram dalam Islam oleh Dr Yusuf Al-Qardhawi, terjemahan Syed Ahmad Semait. Diterbitkan oleh Pustaka Islamiyah Pte. Ltd. Singapura. (m/s 127 Soal Pakaian dan Perhiasan)

dan

Tafsir Wanita, (m/s 697)“Tentang Menundukkan Pandangan dan tidak Menampakan Perhiasan” oleh Syaikh Imad Zaki Al-Barudi. Di terbitkan oleh Pustaka Al-Kautsar, Indonesia.



## PANDUAN


Setiap lakaran cara menjahit tudung mengikut langkah demi langkah. Sebagai contoh, Langkah 1 haruslah dilakukan dahulu sebelum anda melakukan langkah 2.

### **ILHAM 1 : TUDUNG/SKAFT BIASA NISHA**




*Salah satu produk fabrik untuk Tudung Biasa Batik Nisha*


### **NISHA 1 : Cara Menjahit Tudung Biasa Nisha.**



## Atau



**Rajah2**



**Rajah3**

**SELESAI.**

## **NISHA 2: CARA MENGGUNAKAN TUDUNG BIASA *NISHA*.**

- 1) Terdapat berbagai cara menggunakan tudung jenis ini. Rasanya tak perlulah kami menunjukkan cara-cara tersebut. Kerana anda semua lebih arif daripada kami.
- 2) Cuma perlu kami ingatkan disini apapun cara yang anda gunakan, janganlah ia lari dari landasan Islam bagi yang beragama Islam.
- 3) Bagi yang bukan beragama Islam gunakanlah ia mengikut citarasa anda.



***Ini adalah antaracara  
pemakaian tudung  
untuk Tudung Biasa  
Nisha.***




## **ILHAM 2: TUDUNG PANJANG NISHA**



*Salah satu contoh fabric untuk Tudung Panjang Batik Nisha*

## **NISHA 3 : CARA MENJAHIT TUDUNG PANJANG NISHA.**


### **a) Tudung panjang biasa Nisha**



**Rajah4**


- i) Teruskan mengikut rajah di atas (rajah 4).
- ii) Ukuran (labuh) yang digunakan adalah sebagai contoh sahaja. Anda hendaklah menggunakan ukuran anda sendiri.
- iii) Formula untuk labuh tudung :  

$$\text{Panjang fabric} \div 2 + \text{labuh tudung.}$$



Rajah5

- iv) Anda juga tidak perlu menjahit bahagian hadapan tudung jika anda suka. Anda hanya perlu menggunakan pin hiasan tudung untuk mencantumkan bahagian atas, tengah dan bawah.



Rajah6

- v) Terbalikkan fabrik tersebut.
- vi) Gambaran bentuk tudung dari hadapan apabila telah di saipkan adalah seperti di rajah 6.

**SELESAI.**

## **NISHA 4 : CARA MENGGUNAKAN TUDUNG PANJANG NISHA**



*Gambar di atas adalah salah satu cara menggunakan tudung panjang Batik NISHA.*



Juga terdapat berbagai cara menggunakan tudung jenis ini. Kami akan menunjukkan 2 cara sahaja yang mana belum ada kami melihat orang lain menggunakannya (belum ada dipasaran). Walau apa pun pakailah ia mengikut landasan Islam yang sebenarnya.

- 1) Sarungkan tudung mini ke kepala anda.
- 2) Sarungkan anak tudung (lebih kemas dan cantik anak tudung yang mempunyai pengeras di bahagian hadapan) dan ikatkan di bahagian belakang (tengkuk).
- 3) Sarungkan tudung yang telah disiapkan tadi hingga betul-betul kemas/tegang tapi tidak ketat.
- 4) Gunakan jarum pencucuk tudung untuk mengemaskan dan mengelakkan daripada terlondeh ke hadapan muka.
- 5) Untuk lebih kemas dan cantik, tarik fabrik di bahagian lengan tudung hingga ke atas tengah bahu sehingga tegang tapi selesa untuk anda menggerakkan tangan anda.
- 6) Pinkan/tandakan sementara.
- 7) Lebihan fabrik di bahagian atas bahu anda hendaklah \*dilipat dua ke arah leher anda dan pinkan di bahagian tengah bahu bersama baju anda mengikut keselesaan kepala dan leher anda bergerak.
- 8) Lakukan di kedua-dua belah bahu anda.

\* lipatan ke arah leher lebih cantik jatuhnya fabrik di bahagian hadapan jika di bandingkan lipatan ke arah bahu anda atau anda boleh menggunakan kreativiti anda untuk menjadikan tudung anda lebih kemas dan cantik.

- pinkan di bahagian bahu juga berfungsi untuk mengekalkan kedudukan tudung anda, juga mengelakkan tudung anda terbalik apabila di terbangkan oleh angin atau apabila anda aktif bergerak.



*Gambar di atas adalah salah satu cara menggunakan tudung panjang Batik NISHA.*

## **NISHA 4a : CARA MENGGUNAKAN HIJAB NISHA**

### **HIJAB**

Hijab Nisha dikategorikan di dalam Tudung Panjang Nisha, kerana ia menggunakan/memerlukan fabrik/kain yang panjang bagi membolehkan menjadi hijab.

Kebanyakan orang tahu apa itu hijab tidak kiralah apa bangsanya terutamanya bagi mereka yang beragama Islam. Bagi mereka yang tinggal di timur tengah iaitu di negara-negara Arab perkataan hijab sudah tidak asing bagi mereka kerana perkataan hijab di ambil dari bahasa yang mereka gunakan. Perkataan hijab sudah menjadi universal dan telah di gunakan di kebanyakan tempat di dunia ini. Kebiasaan perkataan hijab menggantikan perkataan tudung, skaft, kerudung dan sebagainya iaitu sesuatu yang menutupi bahagian kepala atau dengan kata lain salah satu bahagian aurat wanita Islam yang perlu dan wajib di tutupi dengan hijab atau di panggil tudung bagi kita yang tinggal di Malaysia.



Berbagai cara dalam memakai hijab. Dan berbagai nama di gunakan dalam pemakaian hijab dan juga berbagai fesyen yang di hasilkan dalam pemakaian hijab tetapi matlamatnya adalah sama iaitu menutupi bahagian kepala seseorang tidak kiralah ia menepati kehendak Islam atau pun tidak.

Di bawah ini adalah salah satu ilham yang mungkin boleh di gunakan untuk pemakaian hijab wanita Islam. Purdah juga adalah hijab. Hijab Purdah selalunya dan kebanyakannya dipakai oleh wanita Arab. Namun demikian wanita Islam selain dari bangsa Arab ramai juga menggunakan hijab jenis ini. Tidak kurang juga di Malaysia, Hijab purdah di gunakan oleh wanita Islam Malaysia. Oleh kerana kebanyakan negara di sebelah Asia menggunakan kain dan fabrik bercorak jadi kami ilham satu cara pemakaian Hijab purdah daripada fabrik batik yang bercorak.

Hijab Purdah yang kami ilhamkan ini, tidak perlu di jahit seperti Hijab Purdah yang biasa kita lihat sekarang tetapi hanya menggunakan pin dan jarum yang biasa kita gunakan kepada tudung biasa. Hijab purdah yang kami ilhamkan ini hanya menggunakan sekeping kain yang telah di jahit bahagian kedua-dua hujung kain sahaja. Hijab purdah ini juga hanya menggunakan kain yang panjang mengikut ketinggian si pemakai. Di sini kami menggunakan produk batik kami yang berukuran 45inci x 1 3/4 meter.

- a) Sarungkan tudung mini(jika fabrik nipis) ke kepala anda.
- b) Sarungkan anak tudung(lebih kemas dan cantik anak tudung yang mempunyai pengeras bahagian hadapan) dan ikatkan di bahagian belakang(tengkuk).



- c) Pinkan bahagian leher dengan memanjangkan satu bahagian dan satu bahagian lagi di pendekkan. Lihat gambar kiri.



- d) Bahagian yang di pendekkan, di tarik ke bahu yang bertentangan dan pinkan. Lihat gambar kanan.



- e) Manakala bahagian yang panjang di tarik ke bahagian bahu yang bertentangan. Biarkan ia terlebih/terlondeh yang mana bahagian tersebut boleh di gunakan untuk menutupi bahagian muka. Pinkan. Lihat gambar kanan.

- f) Tarikkan bahagian fabrik yang terlondeh tadi ke bahagian bertentangan dan pinkan di bahagian tepi telinga. Gambar kiri ialah Hijab Purdah yang telah siap di pasang.



- g) Manakala gambar kanan ialah gambar Hijab Purdah dari dekat. Anda boleh tinggikan lagi penutupan di bahagian muka hingga menghampiri mata jika anda suka. Untuk makan/minum anda mungkin boleh melonggarkan sedikit bahagian bahu.

- h) Untuk lebih cantik dan kemas Hijab Purdah tersebut, kedutkan/lipatkan dan susunkan fabrik tersebut dan pinkan di kedua-dua bahagian bahu.

- i) Pandangan Hijab Purdah dari belakang(lihat gambar kanan).






## **NISHA 5 : CARA MENJAHIT TUDUNG KELAWAR *NISHA*.**




*Salah satu produk Fabrik Batik Nisha untuk Tudung.*

### C) Tudung Kelawar *Nisha*

- i) Lakukan seperti cara menjahit Tudung Panjang *Nisha* hingga selesai (**NISHA 3A**) dan ditambahkan seperti di rajah 7 :




**Rajah 7A**



**Rajah 7B**

- vii) Tali yang dibuat adalah berfungsi untuk mengekalkan kedudukan tudung dan juga untuk mengelakkan tudung terbalik apabila aktif bergerak atau di tiup angin.
- viii) Anda boleh menggunakan ukuran yang diberikan seperti didalam rajah 7A untuk tali fabric.



Rajah7C

- ix) 12 inci ruang yang tidak dijahit adalah untuk memudahkan anda menarik tudung ke atas jika anda perlu berbuat demikian. Ukuran tersebut boleh di ubah mengikut keselesaan anda.

**SELESAI.**

## **NISHA 6: CARA MENGGUNAKAN TUDUNG KELAWAR NISHA.**



*Beginilah bentuk Tudung Kelawar Nisha apabila telah selesai di pakaiikan.*

- 1) Cara menggunakan tudung ini sama seperti cara menggunakan Tudung Panjang *Nisha(Nisha 4)* dan sedikit tambahan di bahagian jari.



**Beginilah cara pemasangan  
di bahagian tapak tangan.**



**Iakel  
di atas pada**

**ihat anse pertigambar  
bahagian jari.**

- 2) Masukkan jari tengah anda ke dalam tali di bahagian bucu tudung yang telah disediakan.
- 3) Lakukan di kedua-dua belah jari anda.
- 4) Untuk lebih kemas dan cantik, tarik fabrik di bahagian lengan tudung hingga ke atas tengah bahu sehingga tegang tapi selesa untuk anda menggerakkan tangan anda.
- 5) Pinkan/tandakan sementara.
- 6) Lebihan fabrik di bahagian atas bahu anda hendaklah **\*dilipat dua ke arah leher** anda dan **pinkan** di bahagian tengah bahu bersama baju anda mengikut keselesaan kepala dan leher anda bergerak.
- 7) Lakukan di kedua-dua belah bahu anda.

**\* lipatan ke arah leher lebih cantik jatuhnya fabrik di bahagian hadapan jika dibandingkan lipatan ke arah bahu anda atau anda boleh menggunakan kreativiti anda untuk menjadikan tudung anda lebih kemas dan cantik.**

- pinkan di bahagian bahu juga berfungsi untuk mengekalkan kedudukan tudung anda, juga mengelakkan tudung anda terbalik apabila di terbangkan oleh angin atau apabila anda aktif bergerak.

Walaupun ia dijahit di bahagian bawah tudung, tapi anda masih memerlukan baju berlengan panjang kerana bahagian bawah tidak menutupi keseluruhan aurat anda. Anda boleh menggunakan pin/butang untuk menutupi bahagian bawah pergelangan tangan anda. Tudung ini juga boleh digunakan untuk bersolat.




## ILHAM 3 : TUDUNG BULAT

### NISHA 7 : CARA MENJAHIT TUDUNG BULAT NISHA




*Salah satu produk Fabrik Batik Nisha untuk Tudung.*



**Rajah 8**

- i) Ukuran yang digunakan adalah sebagai contoh sahaja. Anda hendaklah menggunakan ukuran anda sendiri.
- ii) Formula untuk labuh tudung :  


$$\text{Panjang fabrik} \div 2 = \text{labuh tudung}$$




**Rajah 9**

- iii) Anda tidak perlu menjahit bahagian hadapan tudung jika anda suka. Anda hanya perlu menggunakan pin/bruchs untuk mencantumkan bahagian leher dan bawah.

**ATAU**




Rajah10



Rajah11A


- i) Gunakan kertas minyak/putih untuk membuat potongan yang dikehendaki.
- ii) Guntinglah kertas tersebut mengikut ukuran anda seperti yang ditunjukkan di dalam rajah 10 dan rajah 11.
- iii) Formula untuk labuh tudung:  

$$\text{Panjang fabrik} \div 2 = \text{labuh tudung.}$$



**Rajah 11B**

- i) **3a.** Tandakan bahagian tengah garisan lurus.  
**b.** Tarik garisan tersebut hingga 1" ke bawah daripada garisan lurus.
- ii) **5a.** Lengkukkan menggunakan pembaris L untuk mendapatkan lengkung yang cantik. Carilah lengkukan yang cantik dan betul di bahagian melengkuk di pembaris L tersebut ataupun anda hanya melakarkan menggunakan pensil untuk melengkukkan bahagian tersebut.  
**b.** lakukan di kedua-dua belah (untuk garisan -----).



**Rajah 12**

- i) Cara dan ukuran ini sesuai digunakan untuk apa sahaja jenis fabric yang lembut.

## **NISHA 8 : CARA MENGGUNAKAN TUDUNG BULAT NISHA.**



*Beginilah bentuk Tudung bulat Nisha apabila telah selesai di pakai.*

- 1) Gunakan cara Nisha 4 (1-4).
- 2) Untuk lebih kemas dan cantik, *pinkan* di bahagian tengah bahu anda bersama baju yang anda pakai mengikut keselesaan kepala dan leher anda bergerak.
- 3) Lakukan di kedua-dua bahagian bahu anda.

\* Pin di bahagian bahu juga berfungsi untuk mengekalkan kedudukan tudung anda, juga mengelakkan tudung anda terbalik apabila diterbangkan oleh angin atau apabila anda aktif bergerak.

Kami akan menambah dan memperbaharui informasi-informasi, jadi teruslah melayari laman web kami.

**Sekian. Terima kasih.**

**SAYA AMAT BERHARAP ANDA SEMUA BERPUAS HATI DENGAN CARA PENYAMPAIAN INI. JIKA ADA SEBARANG KOMEN SILA HUBUNGI PIHAK SYARIKAT ILHAM NISHA MELALUI EMAIL, DAN FAX. KAMI MEMOHON BERBANYAK MAAF DI ATAS SEGALA KEKURANGAN DI DALAM EBOOK KELUARAN PERTAMA KAMI INI DAN TERIMA KASIH KAMI UCAPKAN SEGALA KERJASAMA DAN KOMEN DARI ANDA SEMUA.**

**KAMI BOLEH DI HUBUNGI SEPERTI DI BAWAH INI:**

E-MAILkan kepada kami ke,

1. [mmusmf@streamyx.com](mailto:mmusmf@streamyx.com)

atau

2. Faxkan kepada kami di nombor,  
06-6795592

